

Orang ramai dijemput meriahkan Majlis Amanat Perdana Hari Kebangsaan 2023 bersama PM

Ogos 26, 2023 @ 7:11pm

KUALA LUMPUR: Majlis Amanat Perdana Hari Kebangsaan 2023 bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, akan diadakan pada jam 2 petang Rabu depan di Dewan Plenari, Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali, berkata majlis itu bertujuan menzahirkan perasaan cinta kepada negara serta menyemarakkan penghayatan terhadap kemerdekaan dalam kalangan rakyat Malaysia.

"Majlis ini juga diharap dapat menjadi wadah untuk kita kekal bersatu mendukung semangat perpaduan Malaysia MADANI," katanya dalam satu video disiarkan melalui Facebook beliau, hari ini.

Sehubungan itu, Mohd Zuki berkata, orang ramai dijemput memeriahkan majlis berkenaan.

Katanya, majlis itu juga dapat ditonton melalui siaran langsung oleh stesen televisyen tempatan. – BERNAMA